

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TAMBAHAN CUTI PERAYAAN DAN
KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat ketetapan untuk memberikan cuti khas pada **19 April 2023 (Rabu)** kepada semua institusi pendidikan bawah KPM. Pemberian cuti khas ini dibuat bagi memudahkan perancangan dan persiapan awal kepada semua murid, guru dan warga sekolah untuk menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri terutamanya kepada murid asrama dan guru yang perlu merentas negeri untuk pulang ke kampung halaman.

Selain itu, KPM juga ingin memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2022 akan dikeluarkan pada **18 April 2023 (Selasa)**. Seramai 4,634 orang calon telah menduduki peperiksaan STAM Tahun 2022 di 134 buah pusat peperiksaan di seluruh negara.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan STAM Tahun 2022 daripada sekolah masing-masing mulai pukul **10.00 pagi** pada tarikh tersebut. Bagi calon persendirian, keputusan peperiksaan akan dihantar melalui pos atau calon boleh menghubungi jabatan pendidikan negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di pautan **myresultstam.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STAM Tahun 2022 mulai pukul 10.00 pagi pada 18 April 2023 sehingga pukul 6.00 petang pada 24 April 2023; dan/atau
- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan rumusan keputusan peperiksaan STAM Tahun 2022 dengan menaip **STAM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan hantar ke **15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10.00 pagi pada 18 April 2023 sehingga pukul 6.00 petang pada 24 April 2023.

KPM sentiasa komited untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan semua warganya.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

11 APRIL 2023

